

NO. SOALAN: 19

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kaedah, spesifikasi alat atau pemboleh ubah yang diguna pakai oleh pihak JAKIM, UIA dan YADIM bagi menterjemah kadar Indeks Syariah yang bakal diguna pakai pada tahun hadapan. Bagaimanakah persepsi masyarakat ini cuba dinilai melalui tolok saintifik.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Indeks Syariah masih dalam peringkat kajian dan pembinaan untuk mengenal pasti kriteria, syarat, kualiti dan lain-lain yang berkaitan. Justeru, perbincangan dengan agensi-agensi berkaitan terus diadakan dari semasa ke semasa untuk memperincikan perkara ini.

Indeks Syariah tersebut adalah membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memastikan pelaksanaan *maqasid al-syariah* dalam pentadbiran negara, yang terdiri daripada lima perkara iaitu menjaga agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Indeks ini disediakan bagi mengukur pelaksanaan *maqasid al-syariah* tersebut dengan menggunakan kaedah yang lebih baik atau saintifik.

Sekian, terima kasih.